

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 15.05.2026 MASA: 9.35AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUBUHAN PUSAT MEMBAIKI
TEKSTIL (*REPAIR-HUB-TEXTILE*) DI PUSAT
PENDIDIKAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DAN
PERKHIDMATAN KOMUNITI TZU CHI, BUTTERWORTH

TARIKH / MASA / TEMPAT

**16 MEI 2026 (SABTU)
8.55 PAGI**

**PUSAT PENDIDIKAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DAN
PERKHIDMATAN KOMUNITI TZU CHI, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze

ADUN Sungai Puyu

Yang Dihormati Puan Teh Chuann Yien

Ahli Majlis MBSP Merangkap Penyelaras Bersama Program

Yang Dihormati Encik Chong Wei Hoong

Ahli Majlis MBSP Merangkap Penaja Program

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Naim Bin Mohd Ali

Penolong Pengarah Kanan

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP Merangkap

Penyelaras

Program

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Puan Ooi Si Hoo

Penyelaras Tzi Chi Butterworth

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perasmian Penubuhan Pusat Membaiki Tekstil (*Repair-Hub-Textile*) Di Pusat Pendidikan Perlindungan Alam Sekitar Dan Perkhidmatan Komuniti Tzu Chi, Butterworth** pada pagi yang penuh bermakna ini.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze**, atas kesudian hadir bagi merasmikan majlis yang penuh bermakna ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada **Pusat Pendidikan Perlindungan Alam Sekitar Dan Perkhidmatan Komuniti Tzu Chi, Butterworth** atas kesediaan menjalin **kolaborasi strategik** bersama MBSP.
4. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Puan Teh Chuann Yien, komuniti setempat, warga MBSP serta semua hadirin yang hadir bagi memeriahkan majlis pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Hari ini bukan sekadar perasmian sebuah pusat membaiki tekstil, tetapi simbol kepada perubahan budaya masyarakat, daripada budaya “pakai dan buang” kepada budaya menghargai, membaiki dan menggunakan semula.
6. Justeru, penubuhan *Repair-Hub-Textile* ini amat signifikan dalam menggalakkan budaya membaiki pakaian, memanjangkan jangka hayat tekstil serta mendidik masyarakat mengenai amalan ekonomi kitaran (*circular economy*) dan gaya hidup lestari.
7. Saya amat berbangga kerana pusat ini merupakan antara inisiatif terawal di Seberang Perai yang memperkenalkan konsep “*Repair*” dalam komuniti setempat. Ini membuktikan bahawa masyarakat kita semakin matang dalam memahami bahawa pengurusan sisa bukan lagi tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab bersama seluruh komuniti.
8. Pusat ini bakal menjadi platform pendidikan komuniti yang sangat penting dalam memperkasa amalan ekonomi kitaran, mengurangkan sisa pepejal serta membudayakan gaya hidup lestari. Saya percaya usaha kecil seperti menjahit semula pakaian, membaiki tekstil lama dan menggunakan semula bahan terpakai mampu memberi impak besar terhadap kelestarian bumi yang kita warisi bersama.
9. Program pada hari ini juga selaras dengan aspirasi *International Urban and Regional Cooperation (IURC)* yang menekankan

pembangunan bandar mampan, ekonomi kitaran dan tindakan terhadap perubahan iklim. Melalui program *Repair-Hub-Textile* ini, komuniti setempat dapat memainkan peranan secara langsung dalam mengurangkan sisa pepejal dan pelepasan karbon, sekali gus menyokong pencapaian agenda global seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)*.

10. Saya juga ingin merakamkan penghargaan istimewa kepada Encik Chong Wei Hoong, Ahli Majlis MBSP, atas sumbangan sebanyak RM2,000.00 bagi pembelian tiga buah mesin jahit terpakai untuk kegunaan pusat ini. Sumbangan ini amat bermakna dalam merealisasikan usaha membina komuniti yang lebih prihatin dan berdaya tahan.
11. Sesungguhnya, apabila kita membaiki pakaian yang koyak, kita sebenarnya sedang membaiki cara hidup kita. Apabila kita memilih untuk menggunakan semula, kita sebenarnya sedang menyelamatkan masa depan generasi akan datang.
12. Saya berharap pusat ini akan terus berkembang sebagai pusat pendidikan komuniti yang aktif dan inklusif, serta menjadi inspirasi kepada lebih banyak komuniti, NGO, institusi pendidikan dan pihak swasta untuk bersama-sama memperkukuhkan budaya 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Regift, Recover* dan

Recycle demi kelangsungan alam sekitar dan kesejahteraan generasi masa hadapan.

13. MBSP akan terus komited dalam memperkukuhkan agenda bandar rendah karbon dan merealisasikan aspirasi “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.” Penubuhan pusat ini amat bertepatan dengan hasrat tersebut, malah menjadi satu lagi langkah progresif ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai bandar masa hadapan yang lebih lestari dan berdaya tahan.
14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penubuhan Pusat Membaiki Tekstil ini. Semoga usaha murni ini terus menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan cinta akan alam sekitar. Mudah-mudahan segala usaha dan komitmen yang dicurahkan ini menjadi amal jariah yang berpanjangan demi kesejahteraan generasi masa hadapan.
15. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan berterusan terhadap pelaksanaan program-program kelestarian seperti ini yang dianjurkan oleh MBSP demi kesejahteraan masyarakat serta pemeliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.